

**Parlimen: Kerajaan Pantau Kenaikan Harga Rumah - Lajim
Bernama
20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Kerajaan terus memantau kenaikan harga rumah dan akan mengenakan langkah tambahan bagi mengawal harga rumah, jika perlu, untuk memastikan semua golongan rakyat mampu memiliki rumah sendiri, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Lajim Ukin.

Beliau berkata pada masa ini beberapa mekanisme kawalan dilaksanakan seperti pengurangan nisbah pinjaman kepada nilai (LTV) kepada 70 peratus bagi pinjaman perumahan pembelian rumah ketiga dan seterusnya.

Katanya kerajaan turut memperkenalkan semula Cukai Keuntungan Harta Tanah mulai 1 Jan 2010 bagi mengurangkan aktiviti spekulasi yang menyebabkan kenaikan harga rumah di negara ini.

"Kerajaan buat masa ini tidak mengawal harga rumah memandangkan ia ditentukan faktor pasaran dan amalan ekonomi bebas bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan negara," katanya menjawab soalan Datuk Md Sirat Abu (BN-Bukit Katil) pada persidangan Dewan Rakyat pada Rabu.

Lajim menegaskan bahawa kerajaan mengambil berat mengenai keperluan perumahan membabitkan golongan berpendapatan rendah dengan mensasarkan pembinaan sebanyak 78,000 unit rumah kos rendah (RKR) seluruh negara.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674328>